

Headline	Mengesahkan ketulenan herba		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	30	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1175 cm <sup>2</sup>
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 23,436
Frequency	Daily	PR Value	RM 70,308



# Mengesahkan ketulenan herba

Oleh LAUPA JUNUS  
laupajunus@hotmail.com

SEJAK beberapa dekad yang lepas, permintaan dan penerimaan masyarakat terhadap terapi dan rawatan secara semula jadi telah meningkat di negara-negara maju dan membangun.

Kira-kira 4 bilion, iaitu 80 peratus populasi dunia di negara-negara membangun menggunakan ubatan herba sebagai kaedah alternatif dalam penjagaan kesihatan.

Begitu juga, rakyat Malaysia pada masa kini sangat mementingkan kesihatan dan kesedaran terhadap kepentingan ini telah mendorong pengguna untuk menggunakan produk kesihatan berasaskan herba.

Kini kebanjiran produk herba dari negara Indonesia, Thailand dan China amat mengesankan dan membimbangkan.

Kebanyakan produk herba yang berada di pasaran tidak disokong oleh kajian saintifik dan ujian tahap keselamatan produk ke atas kesihatan pengguna juga tidak diberi perhatian.

Secara umumnya, produk yang berasaskan herba ini

diproses di rumah atau orang perseorangan. Produk yang dihasilkan ini tidak terjamin kualiti, keberkesanan dan keselamatan. Akibatnya kes-kes keracunan atas penggunaan produk herba yang mengandungi bahan kimia yang memudaratkan kesihatan sering berlaku. Masalah yang berleluasa tanpa kawalan ini amat membimbangkan dan akan mengurangkan tahap kepercayaan pengguna terhadap kualiti produk herba yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan.

Kawalan kualiti produk herba merupakan satu proses penting dalam pemantauan kualiti dan validasi produk yang perlu dititik-beratkan demi menjamin tahap keselamatan produk yang dihasilkan. Kebimbangan pengguna terhadap kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk herba boleh dikurangkan dan keyakinan dipulihkan semula sekiranya kawalan kualiti ke atas produk yang dihasilkan telah dilaksanakan. Kementerian Kesihatan telah menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh pengeluar dan pengusaha untuk memasarkan produk herba.

Bagi mendokong keperluan industri herba, FRIM telah

menubuhkan Bahagian Hasil Semula Jadi (dikenali sebagai Bahagian Tumbuhan Ubatan pada awal penubuhan) yang komited dalam menjalankan penyelidikan berkaitan produk herba. Bahagian ini menjalankan program utama iaitu Program Sumber Biologi, Fitokimia, Bioaktiviti dan Pembangunan Produk Herba.

Kemunculan banyak usahawan berasaskan herba bagi cendawan tumbuh selepas hujan membawa impak yang positif dalam pembangunan ekonomi negara khususnya industri kecil dan sederhana (IKS). Industri herba bukan hanya mampu melahirkan usahawan tetapi boleh menajana kekayaan baharu apatah lagi ia boleh diperolehi dengan mudah di negara ini.

Pelbagai produk herba di pasaran membuktikan permintaannya tetap ada memandangkan ramai pengguna mementingkan kesihatan dan minuman kesihatan atau makanan tambahan.

Ketika industri herba sedang bergerak ke satu tahap yang membanggakan, muncul pula pelbagai isu dalam yang menjadi cabaran baharu kepada pengeluar dan usahawan.

Dalam industri seperti ini, tiga cabaran utama adalah keselamatan, efikasi (keberkesanan) dan juga kualiti bahan mentah yang digunakan.

Justeru, perkembangan industri herba tempatan juga bergerak seiring dengan kemunculan tiga cabaran tersebut. Ini kerana terdapat industri yang mengambil kesempatan memanipulasi kegunaan orang ramai terhadap produk herba dengan mengeluarkan bahan yang bukan sahaja tidak mujarab malah memudaratkan kesihatan pengguna.

Oleh sebab itu, ada unsur penipuan dalam pengeluaran produk kesihatan atau kecantikan



SETIAP sampel yang diterima akan dianalisis di makmal.

yang kononnya mujarab tetapi boleh mendatangkan masalah kesihatan selepas menggunakannya.

Perkara itu timbul apabila ada dakwaan berlebihan kononnya produk tersebut mujarab, selamat dan berkualiti sebaliknya mereka menipu untuk melariskan jualan.

Salah satu puncanya adalah tidak ada usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjamin kualiti produk yang dihasilkan.

Bagi mendepani cabaran tersebut Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) tampil menubuhkan Pusat Pengesahan Bahan Mentah Herba (FHMAG), dengan tujuan membantu industri menjalankan pengesahan menentukan kandungan produk mereka sebelum dipasarkan.

Menurut Pengarah Bahagian Hasil Semula Jadi FRIM, Dr. Rasadah Mat Ali tiga isu tersebut penting bagi memastikan produk

berasaskan herba lebih selamat dan berkualiti selain berkesan.

Beliau memberi contoh, terdapat banyak spesies tongkat ali di negara ini yang dibezakan dengan warna merah, hitam dan kuning tetapi apakah cara menentukannya.

Justeru, pusat tersebut menggunakan banyak kaedah bergantung kepada bentuk sampel yang dihantar.

FHMAG telah dibangunkan di Bahagian Hasil Semula Jadi FRIM. Pusat yang telah dibangunkan awal tahun ini akan menyokong pelaksanaan serta aktiviti sejajar dengan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Dasar Keselamatan Makanan Negara.

Pusat tersebut akan berfungsi untuk membangun dan menawarkan skim pensijilan ke arah pemantapan industri

## FAKTA FHMAG

- OBJEKTIF**
- Menjamin keselamatan di dalam penggunaan herba.
  - Sebagai landasan saintifik untuk pembangunan garis panduan dalam jaminan kualiti herba
  - Menggalakkan sifat bertanggungjawab dalam perdagangan dan perusahaan herba.
  - Mempertingkatkan daya saing herba tempatan di pasaran global
  - Sebagai sumber rujukan dan latihan.
  - Sebagai pusat pemuliharaan spesies herba.

**PERKHIDMATAN** ujian yang dijalankan termasuklah pengesahan, ujian penilaian terhadap bahan mentah herba.

herba tempatan dengan mempertingkatkan kualiti, keselamatan dan efikasi produk yang dihasilkan.

Pusat ini juga dijangka berperanan penting sebagai makmal pengesahan herba untuk Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQS) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pusat tersebut juga akan menyumbang kepada pembangunan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk sektor herba tempatan.

"FRIM juga akan mempunyai pangkalan data bar kod DNA (untuk tujuan rujukan) manakala sampel yang telah dihantar dan dianalisis akan diberi sijil," ujarnya.



DR RASADAH MAT ALI menunjukkan beberapa produk herba dihasilkan daripada herba.



DR. RASADAH MAT ALI

### JANUARI 2016 - FRIM MULA MENAWARKAN PERKHIDMATAN PENGESAHAN

#### LIMA SPESIES TUMBUHAN -

- Tongkat ali (*Eurycoma longifolia*)
- Kacip fatimah (*Labisia pumila*)
- Misai kucing (*Orthosiphon aristatus*)
- Gelenggang (*Senna alata*)
- Patawali (*Tinospora crispa*)

## BAYARAN UJIAN

	Pakej	Harga/ sampel
A	Ujian pengesahan Makroskopi Mikroskopi Analisis kimia - HPTLC - HPLC - IR	RM775
B	Ujian keselamatan PENCEMARAN mikrob - TAMC, TYMC Mikroorganisma spesifik ANALISIS logam berat - Hg, Pb, As, Cd	RM450
C	PAKEJ A + B	RM1000

● Jumlah sampel yang diperlukan untuk ujian adalah sebanyak 200 gram.

● Jenis ujian pengesahan yang dijalankan adalah bergantung kepada bentuk bahan mentah herba yang diterima.

● Tempoh yang diperlukan untuk menjalankan ujian adalah 15 hari bekerja. Ujian hanya akan dijalankan selepas bayaran diperolehi.

● Pembayaran boleh dilakukan melalui tunai atau LOI/ draf bank/ cek ke akaun Bank CIMB, no akaun: 8002664924, atas nama KETUA PENGARAH FRIM.

\* HPTLC - High Performance Thin Layer Chromatography

\* HPLC - High Performance Liquid Chromatography

\* IR - Infra Red Spectroscopy